

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH
[SRI GADING]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan akta baharu melibatkan penggunaan tembakau, vape, rokok elektronik dan shisha yang sepatutnya dibentangkan pada tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Deraf Akta Baharu Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan kawal selia produk tembakau dan rokok elektronik sebelum ini telah disediakan dan dirangka berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2016 iaitu Memorandum Bersama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
2. Deraf Akta tersebut telah dihantar kepada Jabatan Peguam Negara pada Ogos 2019 untuk gubalan namun dipulangkan semula kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mendapatkan mandat baru daripada kerajaan susulan berlakunya beberapa kali pertukaran pucuk pimpinan negara sejak tahun 2018.

SOALAN NO : 18

3. Namun begitu, satu keputusan terbaru daripada Jemaah Menteri berkaitan kawal selia rokok elektronik berdasarkan kertas memorandum yang diangkat oleh Kementerian Kewangan pada 14 Julai 2021 telah diperolehi.
4. Susulan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil tindakan untuk menyemak semula dan membuat penambahbaikan ke atas draf Rang Undang-Undang kawal selia produk-produk rokok supaya kawal selia ketat yang dihasratkan oleh Kerajaan dapat dilaksanakan.
5. Deraf yang telah dikemaskini ini juga akan meliputi kawalan terhadap semua produk merokok konvensional iaitu rokok dan hasil tembakau yang lain di mana semua produk-produk ini adalah dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, Akta Makanan 1983. Pengwujudan Akta baharu ini akan membolehkan kawalan yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan terutama kepada produk-produk baharu atau *New Emerging Smoking Product* yang menarik lebih ramai perokok muda namun juga mengancam kesihatan rakyat Malaysia.
6. Satu Memorandum Jemaah Menteri berkaitan draf Akta baharu KKM ini akan diangkat dalam masa terdekat. Kementerian Kesihatan telah mensasarkan untuk membentangkan bacaan pertama, kedua dan ketiga draf Akta ini selewat-lewatnya pada penggal pertama Sidang Dewan Rakyat 2022. Permohonan tarikh pembentangan ke Dewan Rakyat telah dibuat melalui pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.